

[Home](#) / [2025](#) / [July](#) /

UiTM Pulau Pinang Semarakkan Pemuliharaan Alam Sekitar Melalui Program Mangrove Mania 2025

SDG

24/07/2025 / DR TENGKU NILAM BAIZURA TENGKU IBRAHIM



Pulau Pinang, 24 Mei 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang menerusi Environmental Health Students Association (EHSAn) berjaya melaksanakan program berimpak tinggi bertajuk *Mangrove Mania: “Rooted in EHSAn, Growing for Tomorrow”* yang bertempat di Pusat Pendidikan Kecil Hutan Paya Laut, Sungai Chenaam. Program ini merupakan satu usaha konkrit dalam menyemai kesedaran kelestarian alam sekitar dan memulihkan ekosistem pesisir pantai melalui

penanaman sebanyak 300 anak pokok bakau.

Selain menzahirkan komitmen terhadap pemuliharaan alam semula jadi, inisiatif ini turut menyokong Agenda Pembangunan Mampan (SDG), khususnya dalam aspek tindakan terhadap perubahan iklim dan pemuliharaan biodiversiti. Ia memberi peluang kepada mahasiswa untuk memahami secara praktikal nilai-nilai konservasi dan kepentingan ekologi hutan paya laut dalam mengekalkan keseimbangan biodiversiti.





Program ini turut mendapat kerjasama erat daripada pelbagai agensi dan sektor, termasuk Jabatan Alam Sekitar Malaysia, MSM Malaysia Holdings Berhad Prai, MM Century Sdn Bhd, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang serta UiTM Cawangan Pulau Pinang sendiri. Kehadiran tetamu kehormat seperti Pengarah Jabatan Alam Sekitar, En. Azizi bin Adinan; Ketua Operasi MSM Prai Berhad, En. Cheah Poh Lye; wakil MM Century Sdn Bhd, Puan Chandra; Penolong Pengarah Jabatan Perhutanan, ST Rabiatul Adawiyah binti Fauzi; Penolong Rektor UiTM, Ts. Dr. Mohammad Azhar bin Mohd Noor dan Penasihat Kelab EHSAn, Dr. Tengku Nilam Baizura Tengku Ibrahim, menyerikan majlis sambil memperlihatkan sokongan padu terhadap inisiatif pelajar dalam usaha konservasi.

Berpandukan tema “Rooted in EHSAn, Growing for Tomorrow”, program ini telah memberi impak positif terhadap pembangunan sahsiah pelajar, membentuk semangat kepimpinan, kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan generasi muda. UiTM Cawangan Pulau Pinang percaya bahawa program seperti ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak aktiviti kelestarian yang melibatkan pelajar, komuniti dan rakan strategik secara berterusan.



Tags: [Pusat Pendidikan Kecil Hutan Paya Laut](#), [UiTM Cawangan Pulau Pinang](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Pengantarabangsaan UiTM Perak:
 Perkongsian Ilmu dan Budaya
Bersama Widyatama dan Cirendeu

UiTM Pahang Terima Lawatan
Akademik KV SHAS Bagi Perkasa
Kerjasama Teknologi Pembinaan

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

